

FOR IMMEDIATE RELEASE

04 October 2006

MEDIA RELEASE**PHARMANIAGA MENYAMBUT RAMADHAN
DENGAN PROGRAM KEAGAMAAN**

Shah Alam - Buat pertama kalinya, Pharmaniaga Berhad hari ini menyambut Ramadhan Al-Mubarak 1427 dengan sebuah majlis berbentuk keagamaan.

Majlis yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif UEMWorld, Dato' Ahmad Pardas dan isterinya telah diadakan di perkarangan gudang Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd di Shah Alam.

Menurut Pengarah Urusan Pharmaniaga, Azhar Hussain, tujuan diadakan majlis Sambutan Ramadhan Al-Mubarak tersebut adalah untuk mengambil kesempatan bulan yang penuh berkat bagi mengeratkan hubungan sesama pekerja. Atas tujuan ini, berbagai program telah disusun seperti ceramah agama dan solat jemaah fardhu dan sunat terawih.

Penceramah khas iaitu Usatzah Siti Nor Bahyah telah dijemput sebagai tarikan utama, manakala kumpulan nasyid Rabbani yang diketui oleh Ustaz Asri Ibrahim telah diberi tugas menghibur sambil berdakwah dan mengetuai solat terawih. Kesemua jemputan tersebut adalah khas buat para pekerja sebagai sebahagian daripada inisiatif syarikat di dalam Perhubungan Pekerja.

Azhar berkata, "Selain dari ceramah dan solat jemaah, pengisian majlis turut disertakan dengan kaunter zakat bagi memudahkan para pekerja membayar zakat fitrah memandangkan kesibukan kerja seharian mungkin menyebabkan seseorang boleh terlupa hingga ke saat akhir".

"Ini adalah majlis sambutan Ramadhan yang julung-julung kali diadakan di ibupejabat Pharmaniaga dan kejayaan penganjurannya akan mencetuskan sambutan yang lebih meriah pada masa akan datang", tambahnya lagi. "Mungkin pada masa akan datang, kita akan dapat menyambut Ramadhan bersama-sama golongan kurang bernasib baik, warga emas dan lebih-lebih lagi anak-anak yatim".

Pharmaniaga Berhad adalah sebuah syarikat penjagaan kesihatan berintegrasi yang terbesar di Malaysia. Pharmaniaga tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia, dan aktiviti utamanya merangkumi pengilangan, penyelidikan & pembangunan farmaseutikal generik, logistic, pengedaran, jualan & pemasaran dan juga pembekalan produk & perkhidmatan medical dan kelengkapan hospital. Pharmaniaga juga telah menghasilkan pengisian IT terkini yang merupakan tunjak operasinya.

- end -

ABOUT PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad, a member of the UEM Group, is an investment holding company listed in the Main Board of Bursa Malaysia. The Pharmaniaga Group's core businesses are generic pharmaceuticals manufacturing, research and development, marketing and sales, warehousing and distribution of pharmaceutical and medical products as well as supply, trading and installation of medical and hospital equipment.

With a vision to be the premier Malaysian pharmaceuticals company, Pharmaniaga is guided by its philosophy of 'doing business with a conscience' and empowered by its mission of **enriching life together**.

Already operating in 38 sites across 3 countries (Malaysia, Indonesia & Vietnam) the Pharmaniaga Group is poised to be a regional player in the international pharmaceuticals arena.